

BERITA HARIAN

DATE: 4/10/2009

IPT, swasta wajar bekerjasama: Dr M

Komersialkan R&D untungkan dua pihak

BH - 4/10/2009

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar
bhizar@bharian.com.my

MELAKA: Semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini disaran bekerjasama lebih rapat dengan sektor yang membangunkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya hasil penyelidikan dapat dikomersialkan, selain mengemaskini teknologi dan kepakaran masing-masing, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, universiti patut mewujudkan hubungan dengan pihak swasta dan mereka perlu mengadakan rundingan serta jalinan kerjasama dengan pihak terbabit berdasarkan situasi yang boleh menguntungkan

kedua-dua pihak.

"Kerjasama di antara universiti dan sektor swasta penting bagi memasarkan R&D di dalam dan luar negara. Bagi menentukan hala tuju kedua-dua pihak ke arah kecemerlangan, kerjasama erat amat diperlukan untuk mengenali pasti bidang yang akan diterokai bersesuaian dengan perkembangan di peringkat antarabangsa," katanya selepas Majlis Konvoquesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke-5 di Kampus Durian Tunggal, dekat sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan dan Pengurusan Teknologi, manakala isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula menerima Ijazah Ke-

hormat Doktor Pembangunan Komuniti.

Kedua-dua anugerah berkenaan disampaikan Yang di-Pertua Negeri yang juga Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil Yaakob. Anugerah yang julung kali itu sebagai penghargaan UTeM atas jasa dan sumbangan Perdana Menteri Malaysia keempat itu terhadap pembangunan negara sepanjang menerajui Malaysia selama 22 tahun.

Hadir sama, Pro Canselor UTeM, Tan Sri Dr Johari Mat, Pengerusi Jawatankua-sa Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia, Datuk Yaakob Md Amin, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Dr Mohd Taib Hashim dan Naib Canselor UTeM, Prof Dr Ahmad Yusoff Hassan.

Sementara itu, Dr Maha-



TUN DR MAHATHIR menerima Ijazah Doktor Kehormat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi daripada Mohd Khalil pada konvoquesyen kelima, UTeM, di Melaka, semalam.

thir berkata, sektor swasta di negara ini dilihat tidak begitu inovatif kerana pihak terbabit hanya gemar mengeluarkan produk yang mereka tahu membuatnya tanpa mencuba sesuatu kelainan.

"Kegemaran pihak swasta hanyalah kepada pembangunan perumahan. Kalau kita ketengahkan idea baru kepada mereka walaupun mem-

babitkan produk pertanian, mereka tidak mahu kerana ia mengambil tempoh panjang.

"Setiap sesuatu inovasi yang baru dalam industri, ia mengambil tempoh lama untuk mendapat pulangan. Kalau mereka buat rumah hari ini mereka boleh menjualnya esok... itulah kegemaran pihak swasta di negara ini," katanya.